

# **SENARAI ULAMA ALAM MELAYU**

**Oleh:  
(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman  
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam (KEMUDI)**

# ULAMA ALAM MELAYU I

<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kitab</b>	<b>Fakta</b>
Fatimah binti Maimun -ABR-	md 1101	Kedah & Jawa		Baginda puteri Sultan Kedah. Zuriat Nabi SAW
Abdullah al-Qumairi (anak murid Syeikh Abd Qadir al-Jilani)	1136	Kedah		Islamkan raja Kedah menjadi Sultan Muzaffar Shah
Abdullah Arif (anak murid Syeikh Abd Qadir al-Jilani)	1177	Perlak	Bahr al-Lahut	Ditulis dalam bahasa Arab.Kitab Tasawuf, membicarakan akidah dan kejadian alam semesta.
Syed Abdul Aziz -ABR-	1414	Melaka		Islamkan Sultan Melaka menjadi Sultan Muhammad Shah
Syed@Maulana Yusuff & Syed Menawar -anak & cucu SAZ- -ABR-	1420 an- sekitar 1500	Melaka		Menjadi Kadhi Melaka semenjak zaman Sultan Mansur Shah- Sultan Mahmud Shah
Abu Bakar -ABR-		Melaka	Darul Mazlum	
Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi	1420 an- sekitar 1500	Melaka	<i>Nazham Silsilah</i>	Pelopor Tariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah
Sultanul Ariffin Syeikh Ismail & saudaranya Syed Ibrahim  & guru (mertua) Syeikh Yusuff as-Siddiq -ABR-	1462- 1520	Pulau Besar, Melaka		Beserta 16 sahabat menjadikan Pulau Besar pusat dakwah, tarbiyah dan markaz hulubalang dalam jihad melawan Portugis.Makam semuanya di Pulau Besar

## ULAMA ALAM MELAYU II

Nama	Tarikh	Tempat	Kitab	Fakta
Syed Hussein Jamadil Kubro -ABR_	1310- 1453	Patani-Jawa- Samudera Pasai		Induk atau <i>patriach</i> kepada ramai umara ulama Alam Melayu termasuk para WALI SONGO
Ali Nurul Alam putera Syed Hussein Jamadil Kubro -ABR-	Abad ke 14	Patani- Kelantan-Jawa		Induk atau <i>patricah</i> kepada ramai umara ulama Alam Melayu termasuk di Kedah, Patani, Banten & Cirebon (dari cucunya Sunan Gunung Jati)
WALI SONGO -ABR-  Malik Ibrahim Sunan Ampel Sunan Giri Sunan Bonang Sunan Drajat Sunan Kudus Sunan Gunung Jati	Akhir abad ke 14 sehingga abad ke 16	Jawa Timur, Jawa Tengah & Jawa Barat	Primbon Wejangan Sunan Bonang ditemukan nama-nama seperti berikut: <i>i. Ihya Ulumuddin</i> karangan Imam al-Gazali <i>ii. Talkhis al- Minhajhaj</i> , dari kitab karangan Imam an- Nawawi <i>iii. Qut al-Qulub</i> , iv. Abu Yazid al- Busthamy vi. Muhyiddin Ibnu Arabi iii. Syeikh Abdul Qadir al-Jilani, Sultanul Awliya' x. dsb	Terkenal dengan fiqh dakwah dan hikmah.
Syeikh Yusuff Taj Al-Khalwati	1626- 1699	Makassar Banten (mufti) Sri Lanka Capetown (SA)		Terkenal sbg tokoh umara-ulama pejuang sufi yg terserlah kekeramatannya

## ULAMA ALAM MELAYU III

<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kitab</b>	<b>Fakta</b>
Hamzah Fansuri	Sekitar 1577-1604	Aceh	<i>i. Asrar al-'Ariffin</i> <i>ii. Syarah al-'asyiqin</i> <i>iii. Al-Muntahi</i>  <i>Syair Burung</i> <i>Pingai</i> <i>Syair-syair</i> <i>tasawuf</i>	Hidup di zaman Sultan Alauddin, Sultan Mansur & Sultan Mukammil. Terkenal dgn kontraversi fahaman Wujudiyah. Pengubah syair Melayu pertama
Syeikh Muhammad Jailani Hasanji -Quraisy-	1577-1586	Aceh		Mengajar Ilmu Mantiq, Ilmu Ma'ani, Ilmu Bayan Ba'di, Ilmu Usul, Ilmu Fiqh, Ilmu Tasawuf
Syeikh Nuruddin ar-Raniri -Quraisy-	Sblm 1637 1637-1644	Pahang  Aceh	<i>i. Siratal Mustaqim</i> <i>ii. Durrat al-Faraidh bin Syarah al-'Aqaid</i> <i>iii. Bustanus Salatin</i> <i>dll (30 judul)</i>	Ulama penasihat Sultan Iskandar Thani dan Sultanah Safiatuddin Aceh. Akrab dgn Tun Sri Lanang (Bendahara Johor 1565-1659)
Abdurrauf al Fansuri@ Singkel @Teungku di Kuala Syeikh (keturunan Hadhrami)	1615-1693	Aceh	<i>Mir'at ut-Tullab fi Tashil Ma'rifatil-Ahkam asy-Syar'iyah li 'l-Maliki 'l-Wahhab Mathla'ul Badrain, Al-Kaukabud Durri fin Nuril Muhammad</i>	Disusun atas permintaan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin. Karangan feqah Syafiee yang membicarakan aspek sosial, politik dan kehidupan beragama.
Shamsuddin Al-Sumaterani	(?-1630) Makamnya di Melaka	Aceh	<i>9 judul dalam Bhs Arab/ Jawi</i>	Pengikut fahaman Wahdatul Wujud
Syeikh Abdul Samad Al-Falembani	1704-1788	Palembang dan utara Sumatera	<i>i. Hidayat al-Salikin</i> <i>ii. Ratib Samman</i> <i>iii. Siyarus Salikin</i> <i>(&amp; 5 judul lain)</i>	Kitab2 beliau antara rujukan meluas di Alam Melayu
Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari	1710-1812	Banjar, Kalimantan	<i>Sabilal Muhtadin, dll</i>	Penasihat Sultan

## ULAMA ALAM MELAYU IV

<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kitab</b>	<b>Fakta</b>
Syeikh Abd Malik (Tokku Pulau Manis) -ABR-	Meninggal dunia 1736	Terengganu	<i>Terjemah Matan Hikam ibn Atoillah.</i>  <i>Kifayah</i>	Mempunyai pusat pengajian terkenal di Pulau Manis. Mengembang tariqat Syaziliyah. Mertua Sultan Zainal I T'ganu
Syed Yasin Binyahya & puteranya Abd Rahman, Toha, Abdullah, Hamid, Hussein, Yahya dan Salim -ABR-	Awal abad ke 18	Terengganu, dan tempat2 lain di Tanah Meayu		Sayyid Yasin menjadi menantu Sultan Zainal I T'ganu. Menjadi penasihat Sultan & patriarch kpd jurai ulama suluruh Tanah Melayu
Tokku Pulau Besar	1794-1878	Terengganu	<i>Kanz al-Awliya Al-Jawahir al-Saniyya Mukhtasar</i> dan bbrp kitab lain	Antara ulama awallun yg mengarang kitab kitab agama di T'ganu
Syed Abd Rahman (Tokku Paloh) Putera Tokku Pulau Besar -ABR-	1817-1917	Terengganu		Klg Tokku Paloh menjadi org kuat istana di zaman Sultan Zainal Abidin III T'ganu
Syed Abd Rahman Benyahya (putera Syed Yasin di atas) dan puteranya Abdullah, Abu Bakar, Hamid, Yusuf, Taha. Menurunkan Hbb Hashim	Abad 19 (era Bendahara Tun Ali Phg)	Pekan & Tekal, Pahang		Berkahwin dgn puteri bendahara Tun Ali Pahang
Syed Abu Bakar al-Khirid	Abad ke 20	Tekal, Pahang		Pengasas Sekolah Arab al-Khairiyah

## ULAMA ALAM MELAYU V

<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kitab</b>	<b>Fakta</b>
Raja Haji ibn Daeng Celak	1727-1784	Riau		Menjadi Yamtuan Muda Johor. Syahid melwn Belanda
Syeikh Daud bin Abdullah a-Fatoni	1769-1847	Patani Mekah	<i>Bulughul Maram Ilmu Tasawuf Munyatul Mushalli 'Iqdatl Jawahir Risalatul Masail Sifat Dua Puluh dll</i>	Hasil karya beliau yang sebenarnya tidak diketahui, tetapi melebihi 60 buah kitab yang antaranya dicetak di Mekah, Mesir, Turki, Patani, Singapura, Kelantan, dan Bombay
Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatoni	1856-1908	Patani Mekah	<i>Badr at-Tamam Jumanatut Tauhid, Hadiqah al- Azhar, Faridah al- Faraid fi 'Ilm al- 'Aqaid, dll</i>	Pencetus pengkaderan ulama Melayu di Mekah. Tokoh dan pelopor dunia Melayu Islam dlm berbagai bidang. Berpengaruh dlm dunia Melayu, Othmaniyyah, Mekah dan Mesir
Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatoni (Syeikh Nik Mat Kechik@Shaghir)	Akhir abad 19-awal abad 20	Patani Mekah	<i>Mathla'ul al- Badrain.</i>	Guru hampir semua ulama Melayu di Mekah. Menjadi Hakim Syarie Mekah,
Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga	Pertghn abad 19	Riau Mekah	<i>Daqaiq al- Akhbar fi Zikri al-Jannah wa an-Nar, dll</i>	Digelar pakar@Qus Bhs Melayu. Syeikh Hj
Syeikh Idris al-Marbawi	1896-1989	Perak, Mesir, Timur Tengah	<i>Tafsir Quran al- Marbawi, Jami'u Ulum, dll</i>	Pengarang Kamus Arab-Melayu al-Marbawi

## ULAMA ALAM MELAYU VI

<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kitab</b>	<b>Fakta</b>
Raja Ali Haji Raja Ahmad	1808-1873	Riau	<i>Salasilah Melayu-Bugis, Tuhfat al-Nafis, Gurindam 12, Kitab Pengetahuan Bahasa dll</i>	Ulama, ahli sejarah, dan pujangga Melayu-Bugis
Habib Alwi bin Thahir al-Haddad	1934-1961	Hadramawt, Indonesia. Johor	<i>Al-Qaul al-Fash fi Ma li Bani Hashim wa Quraish wal Arab min al-Fadhl</i> (2 jilid) Kitab 12000 fatwa, dsbnya	Menjadi Mufti Kesultanan Johor. Aktif mengkaji dan menulis di pelbagai akhbar meliputi persoalan agama, kemasyarakatan, sejarah dan politik
Syeikh Muhammad Yusuff (Tok Kenali)	1868 – 1933	Kelantan		Penasihat agama kpd Menteri Besar Kelantan, ahli majlis Ulama Kelantandsbnya
Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga	Pertengahan abad 19	Riau-Lingga	<i>Daqaiqul Akhbar fi Zikril Jannati wan Nar</i>	Pakar Bahasa Melayu. Pernah mengajar di Mekah dan menjadi Syeikh Hj khususnya kpd umat Riau
Syeikh Muhammad Said al-Linggi	1875-1926	Mekah, Negeri Sembilan	<i>Sullam al-Ta'rif ila 'Ilm al-Tasrif</i> (ilmu sarf). <i>al-Ahزاب al-Irfaniyyat Wa al-Awarad al-Nuraniyyah</i>	<i>Khalifah Tariqat Ahmadiyyah. Nenda kpd Datuk Haji Murtadza bin Haji Ahmad, sekarang Mufti Negeri Sembilan.</i>

## KITAB ALIM-ULAMA ALAM MELAYU

Apakah tajuk kitab-kitab rujukan tok-tok guru di Alam Melayu dan siapakah pengarangnya yang menjadi sumber penting dalam membentuk kerangka alam pemikiran dan intelektualisme Melayu Alam Melayu sejak zaman berzaman?

Sebuah manuskrip tua bertajuk *Bahr al-Lahut* atau *Lautan Ketuhanan* karangan seorang pendakwah yang bernama Syeikh Abdullah Arif, muncul pada akhir abad ke 12 Masihi. Beliau dikatakan pernah berguru dengan al-Sultanul Awliya' Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (1079-1166), pendiri tariqah Qadiriyyah yang amat masyur dan dimuliakan itu yang berasal dari keturunan *Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah SAW*.

Kitab *Bahr al-Lahut* disebut sebagai sumber rujukan terpenting di Alam Melayu dalam bidang Tasawuf dan tauhid. Doktrin Nur Muhammad dan konsep '*insanul kamil*' yang terkandung dalam kitab tersebut tersebar secara meluas di dalam kitab-kitab Jawi sehingga menular ke alam pemikiran massa Melayu. Kitab *Kasyaf al-Ghaibah fi Ahwal Yaum al-Qiyamah* karangan Syeikh Zainal Abidin Muhammad al-Fatoni dan kitab *al-Kaukab al-Durr fi al-Nur al-Muhammadi* oleh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatoni adalah antara kitab kuning yang menurut ajaran yang terkandung dalam kitab *Bahr al-Lahut* itu<sup>1</sup>.

Dalam hal ini disebut juga bahawa Kesultanan Melaka pernah menjunjung sebuah kitab Tasawuf berjudul '*Insanul Kamil*' atau '*Insan yang Sempurna*' karangan salah seorang anak cucu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, iaitu Syeikh Abdul Karim al-Jili.

Sunan Bonang, atau nama sebenarnya Maulana Makhdum Ibrahim, salah seorang ahli Wali Songo, berketurunan ahlul-bait Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah SAW, lahir 1465M dan wafat 1524M, menempa nama sebagai mubaligh tersohor yang menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok kepulauan Jawa. Pernah menjadi imam resmi yang pertama bagi Kesultanan Demak selain menjawat jawatan sebagai pegawai tertinggi.

Sunan Bonang dikatakan menyusun naskhah-naskhah Primbon, yang mana banyak bersumber dari kitab *Ihya Ulumiddin* karya Al-Imam Hujjatul-Islam Imam al-Ghazali serta *Talkhish al-Minhaj* karya Imam Nawawi, selain ditemukan juga sumber Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Secara am, naskhah-naskhah Primbon ini boleh dirujuk sebagai sumber pemikiran Wali Songo<sup>2</sup> yang menular dan meresap di kepulauan Jawa kerana Wali Songo terkenal sebagai mubaligh-mubaligh sufi yang bertebaran di tempat-tempat tersebut.

---

<sup>1</sup>Mahayuddin Hj Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm 54

<sup>2</sup>H.M.H al-Husaini, op.cit, hlm 249



Maka dalam hal ini, menarik untuk dicatatkan bahawa tariqat Ba-Alawi yang diamalkan oleh alim-ulama sufi dari Hadhramaut diasaskan atas dasar ilmu dan amal menurut apa yang diterangkan oleh Al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin*<sup>3</sup>. Golongan Ba' Alawi juga dikatakan amat menekuni buku-buku Imam al-Ghazali seperti *al-Basith*, *al-Wasith*, *al-Wajiz* dan *al-Khulash*<sup>4</sup>.

Adakah menghairankan bahawa kitab *Ihya Ulumiddin* menjadi seperti kitab induk dalam pendidikan kerohanian masyarakat Melayu Alam Melayu semenjak zaman berzaman lagi? Malahan massa Melayu juga menekuni karya-karya Imam Ghazali yang lain seperti *Bidayah al-Hidayah* dan *Ayyuha al-Walid*, selain menekuni kitab *Hidaya as-Salikin* (syarah kitab *Bidayah al-Hidayah*) dan *Sirus as-Salikin*<sup>5</sup> (intisari kitab *Ihya Ulumiddin*). Sudah tentu ianya terhasil daripada ikutan masyarakat kepada panduan alim-ulama ahlul-bait seperti di atas tadi yang memilih kitab-kitab karangan Imam Ghazali mengatasi banyak kitab-kitab kerohanian yang lain.

Seorang lagi ulama ahlul-bait tersohor dari Hadhramaut, iaitu Al-Imam al-Allamah as-Sayyid Abdullah bin Alawi bin Muhammad al-Haddad<sup>6</sup> yang muncul dalam abad ke 16 Masihi, meninggalkan banyak karya-karya yang menjadi ikutan masyarakat Alam Melayu. Antara kitabnya yang masyur ialah *Sabilul-Iddikar*, *Al-Fushul al-Ilmiyyah*, *An-Nasha'ih ad-Diniyyah*, *Ad-Da'watut-Tammah*, *Risalatul Muzakarah*, *Adab Sulukil-Murid*, *Akidatul-Islam*, *Ithafus-Sa-il* dan banyak lagi.

Banyak daripada karya-karya Imam Abdullah al-Haddad ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dan Melayu (jawi dan rumi), tersiar luas, dibaca dan diajarkan di pesantren-pesantren, majlis-majlis taklim dan sebagainya. Doa-doa, zikir dan wirid yang dibukukan, bersumber dari al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW, antara yang terkenal ialah Ratib al-Haddad, dibaca di rumah-rumah, masjid-masjid dan surau-sarau di Indonesia, Malaysia dan Singapura sehingga pada hari ini.

Sayid Salim bin Abdullah Ba Sumayr menulis sebuah kitab masyur bertajuk *Safinat al-Najah* yang memfokus pada perundangan Islam dan lima rukun Islam. Kitabnya disebarluaskan secara meluas di Hadhramaut dan Indonesia. Dikatakan bahawa kitab tersebut digunakan sebagai buku teks dalam perundangan Islam di sekolah-sekolah agama seluruh Indonesia

---

<sup>3</sup>Habib Tahir bin Husain bin Tahir, '*Jalan Yang Dekat; Bagi Pengikut Jalan Rujuk Kepada Tuhan*', Pustaka Nasional Pty Ltd, Singapura, 1999, hlm 182

<sup>4</sup>\_\_\_\_\_, terjemahan *Pengantar Tentang Kaum Alawiyyin*, hlm 27

<sup>5</sup>Kitab *Hidayah as-Salikin dan Sirus as-Salikin* dikarang oleh seorang ulama Melayu terkenal, iaitu Syeikh Abdus Samad al-Palembani

<sup>6</sup>Beliau dikenali juga sebagai Mujaddid Islam abad ke 12 Hijrah. Terkenal sebagai seorang yang berpengetahuan luas dan mendalam, bermenafaat untuk ummah tanpa batasan tempat dan waktu. Kehilangan daya penglihatannya sekecil umur 4 tahun telah digantikan Allah SWT dengan kebolehan luar biasa menyerap ilmu serta menyebarkan luaskannya sehingga ajarannya tersebar ke serata pelosok dunia sampai hari ini.

sehingga menerbitkan 4 edisi, iaitu dalam Bahasa Arab, Melayu, Jawa dan Sudan<sup>7</sup>.

Sayyid Usman bin Abdullah bin Yahya menulis 38 buah kitab, yang mana 11 ditulis dalam Bahasa Arab dan 27 dalam bahasa Melayu.

Sayyid Muhammad bin Zainul Abidin al-Aidruss yang lebih dikenali sebagai Tokku Tuan Besar, menjadi Syekhul ulama Terengganu dalam masa pemerintahan Sultan Baginda Umar (1831 dan 1839-76) *Kanz al-awliya, al-Jawahir al-Saniyya, Tahliyat al-Wildan, Mukhtasar, Fiqh Sullam Al-Tawfiq, Targhib al-Sibyan, al-Sira al-Nabawiyya dan al-Durra al-Fakhira*. Kitab-kitabnya digunakan secara meluas di Terengganu, yang merupakan sebuah kesultanan ahlul-bait Rasulullah SAW, sehinggakan beliau dikenali sebagai *ahl al-qalam wa-l kalam*.

Dalam Kesultanan Perak muncul Sayyid Hussein al-Faradz, dilantik menjadi pembimbing dan penasihat agama kepada Sultan Mahmud Iskandar Shah Syah (1653-1720M)<sup>8</sup>. Zuriyatnya kelak yang bernama Syed Hashim al-Asghar beroleh kepercayaan menyusun makalah *Undang-Undang 99* bagi kesultanan tersebut.

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni, seorang ulama ahlul-bait yang masyur dalam abad ke 18 Masihi mengarang lebih 60 buah kitab yang menjadi kitab-kitab rujukan bagi pelajar-pelajar agama tradisional di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya termasuk *Tanbihul Ghafilin, Bulugh al Maram, 'Aqidat al Jawahir, Fathul-Manan, Manhalus Syafi* dan banyak lagi. Kitab *Kifayatul Muhtaj* dibaca oleh umat Islam dalam bulan Rejab ketika upacara Isra' Mi'raj<sup>9</sup>.

Al-Habib Alwi bin Tahir al-Haddad , seorang lagi tokoh ahlul-bait, lahir pada abad ke 20 Masihi. Merupakan ulama dan pengarang yang masyur di Indonesia dan Malaysia. Pernah menjadi Mufti Johor yang berjasa atas tugas mengeluarkan sebanyak 12,000 fatwa rasmi kerajaan Johor. Salah sebuah karangannya bertajuk *Sejarah Islam di Timur Jauh* (terjemahan oleh Muhammad Dhiya Shahab), menjadi rujukan pengkaji dan peminat sejarah.

---

<sup>7</sup>Ulrike Freitag and William G-Clarence-Smith, *'Hadhrami Traders, Scholars and Statesment in the Indian Ocean (Makalah Prof A.Hasjmy dan Prof Madya Dr Wan Hussein Azmi dalam Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Isam di Aceh, 10 Julai, 1978)*, hlm 156 dan 195, cetakan 1, 1981, Alma'arif Bandung

<sup>8</sup>Auni Abdullah, *'Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu'*, , Nurin Ent, 1991, hlm 103

<sup>9</sup>Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *'Hubungan Ulama Patani dan Kedah : Kekeluargaan, Pertalian Ilmu dan karya, Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman : Islam di Kedah Darul Aman, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hlm 15. Rujuk juga karya penulis, 'Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara'*.

## **Kitab Usuluddin ASWAJA yang diajarkan di Nusantara**

Maulana Abu Bakar, kitab *al-Durr al-Manzum*  
?, Terjemah kitab *al-Aqa'id al-Nasafi*  
Syeikh Abdul Malik@Tokku Pulau Manis, kitab *Kifayah*  
Syeikh Muhammad Yusof al-Sanusi, kitab *Matan Umm al-Barahin*,  
Syeikh Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin, kitab *Bidayat al-Hidayat Syarah Matan Umm al-Barahin*,  
?, Terjemah kitab *Syarah Matan Jawharat al-Tawhid*,  
Syeikh Daud al-Fatani, kitab *Syarah Nazm Aqidat al-Aqqam*  
dsbnya

## **Kitab Feqah ASWAJA yang diajarkan di Nusantara**

Syeikh Nuruddin ar-Raniri, kitab *Sirat al-Mustaqim*  
Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, kitab *Sabilal Muhtadin*  
Syeikh Daud al-Fatani, kitab *Furu' al-Mas'il dan Bughyat al-Tullab*  
Syed Salim bin Abdullah Ba Sumayr, kitab *Safinat al-Najah*  
Tuan Tabal, kitab *Bidayat Ta'lim al-Awwam dan Kifayat al-Awwam*  
Sayyid Ahmad Dahlan, kitab *Muhimmat al-Nafa'is*  
Syeikh Abdul Rashid Banjar, *Kitab Perukunan*  
dsbnya

## **Kitab Tasawuf ASWAJA yang diajarkan di Nusantara**

Syeikh Abdul Malik @ Tokku Pulau Manis, kitab *Hikam Melayu (Syarah Matan Hikam)*,  
Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, kitab *Sayr as-Salikin (saduran Ihya Ulumiddin) dan Hidayat al-Salikin (saduran Bidayat al-Hidayat)*,  
Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, kitab *Minhaj al-Abidin, Kanz al-Minan*,  
Tuan Tabal, kitab *Jala' al-Qulub bi Dhikr Allah*,  
Tokku Paloh, kitab *Ma'arij al-Lahfan*, dsbnya